



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA, SIRI 7/2026

**Malaysia Mengekalkan Trajektori Pertumbuhan dengan Prestasi Sektor
Perindustrian dan Luaran yang Kukuh**

PUTRAJAYA, 31 JULAI 2026 – Hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR), Siri 7/2026** yang memaparkan gambaran keseluruhan perkembangan ekonomi terkini berdasarkan statistik utama yang dikeluarkan pada Mei 2026, di samping beberapa statistik terpilih bagi Jun 2026. Edisi ini turut memuatkan artikel khas bertajuk “**Unjuran Trend Harga Minyak Mentah WTI Sehingga Disember 2026**”. Artikel ini menganalisis dan mengenal pasti pergerakan sejarah harga minyak mentah WTI dalam USD dari April 2020 hingga Mei 2026 dan menghuraikan mengenai trend harga serta potensi implikasinya terhadap perancangan ekonomi dan pembuatan dasar. Analisis ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman tentang perkembangan harga minyak mentah global dan kaitannya dengan landskap ekonomi yang lebih luas, terutamanya dalam menyokong penilaian ekonomi, perancangan dan penggubalan dasar.

Dalam landskap ekonomi global, menurut Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) *World Economic Outlook* (WEO), Julai 2026, ekonomi global diunjurkan berkembang sebanyak 3.0 peratus pada tahun 2026, sebelum mengukuh kepada 3.4 peratus pada tahun 2027. Meskipun aktiviti ekonomi Global kekal daya tahan, prospek ekonomi masih berdepan dengan risiko penurunan, termasuk ketegangan geopolitik, fragmentasi perdagangan dan harga tenaga yang tinggi. Sementara itu, pelaburan berkaitan teknologi, terutamanya dalam kecerdasan buatan (AI) dan pendigitalan, terus menyokong aktiviti ekonomi global dan menyumbang kepada perubahan dinamik ekonomi global.

Mengulas berkaitan prestasi ekonomi Malaysia terkini, DOSM menjelaskan bahawa, “Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.8 peratus pada suku tahun kedua tahun 2026, meningkat daripada 5.4 peratus pada suku tahun sebelumnya. Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia berkembang 5.6 peratus pada separuh

tahun pertama 2026, berbanding 4.5 peratus dalam tempoh yang sama pada 2025. Pertumbuhan ini disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan, di samping pemulihan dalam sektor Perlombongan & pengkuarian dan pengembangan berterusan sektor Pembinaan. Sebaliknya, sektor Pertanian menguncup disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit dan perikanan yang lebih rendah.”

Aktiviti perindustrian Malaysia terus daya tahan dalam persekitaran luaran yang mencabar, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat sebanyak 8.4 peratus pada Mei 2026, susulan pertumbuhan 8.2 peratus pada April 2026. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh sektor Pembuatan, yang berkembang sebanyak 6.6 peratus (April 2026: 8.3%), dan sektor Perlombongan, yang mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 19.8 peratus (April 2026: 6.8%). Sementara itu, sektor Elektrik juga mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.2 peratus, walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding 10.5 peratus pada bulan sebelumnya. Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, IPP meningkat semula sebanyak 1.3 peratus pada Mei 2026, selepas mencatatkan penurunan 3.4 peratus pada April 2026.

Dalam konteks yang sama, jualan dalam sektor Pembuatan meningkat sebanyak 8.9 peratus tahun ke tahun, mencecah sejumlah RM172.7 bilion jualan pada Mei 2026, menurun daripada 9.1 peratus pada April 2026. Prestasi ini didorong oleh subsektor produk Elektrik & elektronik, yang melonjak 26.4 peratus, disokong oleh produk Petroleum, kimia, getah & plastik (4.9%) dan produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam fabrikasi (6.4%). Sebaliknya, berdasarkan bulan ke bulan mencatatkan penurunan jualan sebanyak 1.4 peratus daripada RM175.1 bilion pada April 2026.

Aktiviti ekonomi domestik kekal berdaya tahan, menyokong pertumbuhan Perdagangan Borong & runcit Malaysia mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM171.3 bilion pada Mei 2026, meningkat 11.0 peratus tahun ke tahun, manakala indeks volum meningkat 3.1 peratus. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh perdagangan Borong, yang berkembang sebanyak 18.4 peratus kepada RM80.8 bilion, diikuti oleh perdagangan Runcit pada 7.2 peratus (RM71.9 bilion). Sebaliknya, subsektor kenderaan bermotor merosot 2.3 peratus kepada RM18.6 bilion.

Prestasi perdagangan Malaysia kekal kukuh pada Mei 2026, dengan jumlah perdagangan meningkat 29.8 peratus (tahun ke tahun) kepada RM327.6 bilion. Pertumbuhan ini didorong oleh eksport yang melonjak 45.3 peratus kepada RM184.0 bilion, manakala import meningkat 14.1 peratus kepada RM143.6 bilion. Hasilnya, lebih perdagangan melebar dengan ketara kepada RM40.4 bilion.

Berbanding April 2026, eksport dan lebih perdagangan masing-masing meningkat sebanyak 0.4 peratus dan 38.2 peratus, manakala import dan jumlah perdagangan menurun sebanyak 6.8 peratus dan 2.9 peratus. Momentum positif berterusan pada Jun 2026, disokong oleh pertumbuhan eksport (+45.4%) dan import (+43.9%) yang kukuh dari tahun ke tahun. Bagi Jun 2026, jumlah dagangan meningkat 44.7 peratus kepada RM340.9 bilion.

Dari segi harga, inflasi Malaysia meningkat 2.0 peratus pada Mei 2026, dengan IHP meningkat kepada 137.1 daripada 134.4 tahun sebelumnya. Inflasi yang lebih tinggi dicatatkan dalam Maklumat & Komunikasi (2.1%), Makanan & Minuman (1.4%), Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (1.2%), dan Rekreasi, Sukan & Budaya (1.1%). Berasaskan bulan ke bulan, inflasi keseluruhan meningkat sedikit sebanyak 0.1 peratus, lebih perlahan daripada 0.4 peratus pada April 2026, dengan enam daripada 13 kumpulan mencatatkan peningkatan, diketuai oleh Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (0.5%) dan Makanan & Minuman (0.3%). Sehingga Jun 2026, inflasi reda, mencatatkan peningkatan sebanyak 1.9 peratus, menurun daripada 2.0 peratus pada Mei 2026.

Dari segi harga pengeluaran, Indeks Harga Pengeluaran (IHPR) Malaysia meningkat 7.8 peratus tahun ke tahun pada Mei 2026, melanjutkan peningkatan 5.4 peratus yang dicatatkan pada April. Semua sektor mencatatkan keuntungan sepanjang bulan tersebut, dengan Perlombongan sekali lagi menerajui, meningkat 52.6 peratus susulan kenaikan 53.4 peratus pada April. Pertumbuhan dua digit yang berterusan ini sebahagian besarnya didorong oleh indeks Pengekstrakan Petroleum Mentah, yang melonjak 74.5 peratus. Berdasarkan bulan ke bulan, IHPR Pengeluaran Tempatan meningkat sedikit sebanyak 1.1 peratus, menyederhana daripada peningkatan 3.2 peratus yang dilihat pada April. Di samping itu, pertumbuhan IHPR Malaysia mengukuh kepada 9.2 peratus pada Jun 2026

DOSM menjelaskan bahawa pasaran buruh Malaysia kekal stabil pada Mei 2026, dengan tenaga buruh meneruskan momentum menaikinya pada Mei 2026, meningkat sebanyak 0.1 peratus kepada 17.34 juta orang (April 2026: 17.33 juta orang), manakala pekerjaan meningkat sedikit kepada 16.82 juta orang, mengekalkan kadar penyertaan tenaga buruh sebanyak 70.9 peratus. Walaupun pengangguran meningkat sedikit kepada 513.4 ribu orang (April 2026: 511.8 ribu orang), kadar pengangguran kekal tidak berubah pada 3.0 peratus.

Dalam tempoh masa hadapan, prospek ekonomi Malaysia dijangka kekal stabil secara amnya, disokong oleh Indeks Pelopor (IP) Malaysia yang meningkat 0.8 peratus tahun ke tahun pada Mei 2026, mencecah 114.4 mata berbanding 113.5 mata pada Mei 2025. Walau bagaimanapun, secara bulanan, IP menurun

0.5 peratus, didorong oleh penurunan Import Benar Logam Berharga dan Bukan Ferus Asas Lain (-0.6%). Walaupun kekal di bawah 100.0 mata dalam trend jangka panjangnya yang lancar, ekonomi Malaysia dijangka kekal berdaya tahan, disokong oleh permintaan domestik yang stabil dan kebolehsuaian terhadap perubahan global dan kemajuan teknologi.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)**, bertemakan “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
31 JULAI 2026

Lampiran 1: Indikator Ekonomi Utama


Indeks Pelopor

114.4 mata
Mei 2026



Kadar Pengangguran

3.0%
Mei 2026




Pengeluaran Buah Tandan Segar

-3.3%
Jun 2026



Pengeluaran Getah Asli

-16.7%
Mei 2026



Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

8.4%
Mei 2026



Nilai Jualan Sektor Pembuatan

8.9%
Mei 2026




Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit

11.0%
Mei 2026




Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

3.1%
Mei 2026



Eksport

45.4%
Jun 2026




Import

43.9%
Jun 2026




Indeks Harga Pengguna (IHP)

1.9%
Jun 2026



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

9.2%
Jun 2026





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MALAYSIA ECONOMIC STATISTICS REVIEW, VOLUME 7/2026

Malaysia Sustains Growth Trajectory with Robust Industrial and External Sector Performance

PUTRAJAYA, 31st JULY 2026 – Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the Malaysian Economic Statistics Review (MESR), Volume 7/2026, which presents an overview of recent economic developments based on key statistics released in May 2026, together with selected forthcoming statistics for June 2026. This edition also features a special article entitled **“Projection of WTI Crude Oil Price Trends Up to December 2026”**. The article analyses the historical movement of WTI crude oil prices in USD from April 2020 to May 2026 and provides insights into the observed price trends and their potential implications for economic planning and policy decision-making. The analysis is intended to support a better understanding on the developments in global crude oil prices and their relevance to the broader economic landscape, particularly in informing economic assessment, planning and policy formulation.

In the broader economic landscape, according to the International Monetary Fund (IMF) World Economic Outlook (WEO), July 2026, the global economy is projected to expand by 3.0 per cent in 2026, before strengthening to 3.4 per cent in 2027. Despite the resilience of global economic activity, the outlook remains subject to downside risks, including geopolitical tensions, trade fragmentation and elevated energy prices. Meanwhile, technology-related investment, particularly in artificial intelligence (AI) and digitalisation, continues to support global economic activity and contribute to the evolving dynamics of the global economy.

Commenting on Malaysia’s latest economic performance, DOSM, highlighted that, “Malaysia’s economy expanded by 5.8 per cent in the second quarter of 2026, up from 5.4 per cent in the preceding quarter. Overall, the Malaysian economy grew by 5.6 per cent in the first half of 2026, compared with 4.5 per cent during the same period in 2025. The growth was supported by the Services and Manufacturing sectors, alongside the recovery in the Mining & Quarrying sector and the continued expansion of the Construction sector. In contrast, the Agriculture sector contracted due to lower production of palm oil and fisheries.”

Malaysia's industrial activity continued to demonstrate resilience amid a more challenging external environment, the Industrial Production Index (IPI) increased by 8.4 per cent in May 2026, following a growth of 8.2 per cent in April 2026. The expansion was primarily driven by the Manufacturing sector, which grew by 6.6 per cent (April 2026: 8.3%), and the Mining sector, which recorded a stronger growth of 19.8 per cent (April 2026: 6.8%). Meanwhile, the Electricity sector also registered a growth of 4.2 per cent, albeit at a slower pace compared to 10.5 per cent in the preceding month. On a month-on-month basis, the IPI rebounded by 1.3 per cent in May 2026, reversing the 3.4 per cent decline recorded in April 2026.

On the same note, the sales in Manufacturing sector grew by 8.9 per cent year-on-year, reaching a total of RM172.7 billion sales in May 2026, easing from 9.1 per cent in April 2026. The performance was driven by the Electrical & electronics products sub-sector, which surged 26.4 per cent, supported by Petroleum, chemical, rubber & plastic products (4.9%) and Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products (6.4%). On the contrary, month-on-month basis recorded a decline of 1.4 per cent in sales from RM175.1 billion in April 2026.

Underpinned by resilient domestic economic activity, Malaysia's Wholesale & Retail Trade recorded total sales of RM171.3 billion in May 2026, increasing 11.0 per cent year-on-year, while the volume index rose 3.1 per cent. The growth was mainly driven by Wholesale trade, which expanded by 18.4 per cent to RM80.8 billion, followed by Retail trade at 7.2 per cent (RM71.9 billion). In contrast, the Motor vehicles sub-sector declined 2.3 per cent to RM18.6 billion.

Malaysia's trade performance remained strong in May 2026, with total trade increasing 29.8 per cent (year-on-year) to RM327.6 billion. The growth was driven by exports, which surged 45.3 per cent to RM184.0 billion, while imports rose 14.1 per cent to RM143.6 billion. As a result, the trade surplus widened significantly to RM40.4 billion. Compared with April 2026, exports and the trade surplus increased by 0.4 per cent and 38.2 per cent, respectively, while imports and total trade declined by 6.8 per cent and 2.9 per cent. The positive momentum continued in June 2026, supported by robust year-on-year growth in exports (+45.4%) and imports (+43.9%). As of June 2026, total trade increased by RM105.3 billion or 44.7 per cent, reaching RM340.9 billion.

On the price front, Malaysia's inflation rose 2.0 per cent in May 2026, with the CPI increasing to 137.1 from 134.4 a year earlier. Higher inflation was recorded in Information & Communication (2.1%), Food & Beverages (1.4%), Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (1.2%), and Recreation, Sport & Culture (1.1%). On a month-on-month basis, headline inflation edged up by 0.1 per cent, slower than 0.4 per cent in April 2026, with six of 13 groups registering increases, led by Housing, Water, Electricity, Gas & Other Fuels (0.5%) and Food & Beverages (0.3%). As of June 2026, inflation eased, recording an increase of 1.9 per cent, down from 2.0 per cent in May 2026.

In terms of producer price, Malaysia's Producer Price Index (PPI) rose 7.8 per cent year-on-year in May 2026, extending the 5.4 per cent increase recorded in April. All

sectors posted gains during the month, with Mining once again leading the way, climbing 52.6 per cent following a 53.4 per cent rise in April. This continued double-digit growth was driven largely by the Extraction of Crude Petroleum index, which surged 74.5 per cent. On a month-on-month basis, PPI Local Production edged up 1.1 per cent, moderating from the 3.2 per cent increase seen in April. In addition, Malaysia's PPI growth strengthened to 9.2 per cent in June 2026

DOSM informed that, Malaysia's labour market remained stable in May 2026, with the labour force continued its upward momentum in May 2026, increased by 0.1 per cent to 17.34 million persons (April 2026: 17.33 million persons), while employment rose marginally to 16.82 million persons, maintaining a labour force participation rate of 70.9 per cent. Although unemployment increased slightly to 513.4 thousand persons (April 2026: 511.8 thousand persons), the unemployment rate remained unchanged at 3.0 per cent.

Looking ahead, Malaysia's economic outlook is expected to remain broadly steady, supported by Malaysia's Leading Index (LI) which rose 0.8 per cent year-on-year in May 2026, reaching 114.4 points as against 113.5 points in May 2025. On a month-on-month basis, however, the LI declined 0.5 per cent, driven by a decrease in Real Imports of Other Basic Precious and Non-ferrous Metals (-0.6%). Despite remaining below 100.0 points in its smoothed long-term trend, Malaysia's economy is expected to stay resilient, supported by stable domestic demand and adaptability to global changes and technological advancements.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed "**Data Nadi Ekonomi Rakyat**". The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
31 JULY 2026


Appendix 1: Key Economic Indicators



Sales Value of Wholesale & Retail Trade

11.0%

May 2026



Volume Index of Wholesale & Retail Trade

3.1%

May 2026



Exports

45.4%

June 2026



Imports

43.9%


June 2026



Consumer Price Index (CPI)

1.9%

June 2026



Producer Price Index (PPI) Local Production

9.2%

June 2026

